

Jenis Akhbar : Kosmo
Tarikh : 27/11/2022
Edisi / Muka Surat : Nasional / 12
Tajuk : ANGKASA harap KUSKOP kekal demi warga usahawan

Angkasa harap KUSKOP kekal demi warga usahawan



MOHAMAD ALI (kanan) meninjau pembukaan CoopFarmasi-Koputra di Setia Alam, Shah Alam semalam.

Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED

SHAH ALAM – Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) berharap, kerajaan baharu mengekalkan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) demi kelestarian ekonomi negara dan usahawan tempatan.

Anggota Lembaganya, Datuk Mohamad Ali Hasan berkata, langkah seumpama itu perlu bagi membantu usahawan kecil menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) ke arah yang lebih baik.

Katanya, penubuhan institusi koperasi yang berusia 100 tahun hanya menghasilkan KDNK berjumlah tiga peratus setakat ini.

"Namun, wujudnya kementerian khusus berkaitan koperasi diyakini mampu menyumbang kepada dua angka seperti negara maju.

"Justeru, kita mengharapkan KUSKOP dapat diteruskan demi menjana ekonomi dan peluang pekerjaan kepada banyak pihak, terutama di luar bandar," katanya selepas merasmikan CoopFarmasi-Koputra di Setia Alam di sini semalam.

Ujarnya, Angkasa dan gerakan koperasi di seluruh negara berharap sektor itu diberi perhatian oleh kerajaan baharu.

"Koperasi merupakan institusi yang sentiasa relevan dalam menyumbang kepada kesejahteraan hidup biarpun mendepani pelba-

gai cabaran ekonomi.

"Setakat Jun lalu, terdapat lebih 14,000 koperasi dan keanggotaannya mencapai kira-kira 20 peratus rakyat Malaysia," ujarnya.

Tambahnya, kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim diharap memperkuatkan lagi peranan dan sumbangan institusi koperasi kepada pembangunan sosio ekonomi inklusif, adil serta berdaya saing.

"Sebagai gerakan koperasi yang diiktiraf kerajaan, Angkasa menyokong kepimpinan baharu dan akan terus memperkuatkan hubungan kerjasama lebih erat.

"Kerajaan Perpaduan diharap membantu menyelesaikan keperluan hidup rakyat," katanya.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA